

Usah terpengaruh hasutan luar — PM

UM 13 MAY 2001

KUALA LUMPUR 12 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pemimpin kesatuan sekeja tempatan supaya tidak terperangkap dengan hasutan kesatuan sekeja negara maju yang mahu mereka membuat tuntutan melampau sehingga menggugat ekonomi negara.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana kesatuan sekerja asing cuba memperlihatkan seolah-olah mereka bersimpati dengan nasib rakan mereka di negara ini.

Sedangkan motif sebenarnya adalah untuk menjatuhkan pengeluaran barangan, mengakibatkan harga keluaran itu meningkat dan seterusnya gagal bersaing.

Dengan cara ini, tegas Dr. Mahathir, kesatuan terbabit dapat menyelamatkan pekerjaan mereka dan membuat tuntutan kenaikan gaji setelah barangan di negara maju tidak mempunyai sebarang saingan.

Jika terperangkap dengan dakyah kesatuan sekerja asing ini, kerajaan akan terjejas, ekonomi merosot dan mereka akan menguasai pasaran kita.

"Pekerja mereka (di negara maju) pula akan mendapat upah yang tinggi sementara kita yang merana," katanya ketika berucap pada perhimpunan Hari Pekerja 2001 di Stadium Putra, Bukit Jalil dekat sinihari ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau perlu mengingatkan bahaya pengaruh kesatuan aekaja asing ini kerana sebelum ini semasa mesyuarat Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), pemimpin kesatuan sekerja tempatan ada menemui rakan mereka dari negara maju.

Kata beliau, mereka biasanya mendesak pekerja tempatan diberi layanan baik supaya kononnya nanti akan mendapat gaji tinggi.

"Tetapi pemimpin kesatuan sekeja kita tak berminat sangat buat tuntutan keterluan sebaliknya kita dapati pekerja semuanya sanggup berunding dan tak begitu tertarik dengan cara-cara kasar.

"Sebab itu, kita dapat teruskan persaingan dan berjaya mengeluarkan barangan yang sama dengan negara maju tetapi dengan harga lebih murah".

Hadir sama pada perhimpunan yang dihadiri lebih 5,000 pekerja dari seluruh negara itu ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, Presiden Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak dan Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam perkhidmatan Awam (CUEPACS), Abdul Rahman Manan.

Matlamat

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan bersyukur kerana pemimpin kesatuan sekeja negara ini tidak terikut-ikut dengan tindakan perusahaan di negara maju, yang matlamatnya tidak lain cuma mahu menjadikan Malaysia gagal bersaing.

"Sepatutnya, kita ada piket (anjuran MTUC) di seluruh Malaysia hari ini tetapi Alhamdulillah fikiran yang waras mengatasi segala-galanya.

"Pekerja dan pemimpin mereka orang yang bertanggungjawab kerana mengutamakan kepentingan negara daripada diri sendiri," katanya.

Kata beliau, jika kesatuan sekerja sanggup berunding dengan kerajaan berkaitan sesuatu ieu, kerajaan juga tidak ada masalah untuk mencari penyelesaiannya.

Beliau menarik perhatian, bahawa yang dihadapi oleh sebuah negara yang sering dilanda demonstrasi tindakan perusahaan.

"Negara ini dulu terkenal dalam industri automatif tetapi hari ini ia gagal mengeluarkan sebarang kereta yang pernah mereka keluarkan (eksport) ke seluruh dunia.

"Seluruh perusahaan automatifnya terhapus sama sekali, syarikat mereka terpaksa bergantung kepada negara asing tetapi akhirnya semua ditutup dan ramai pekerja menganggur," katanya.